

EXCO 2010/2012

Patron

Tan Sri Aseh Hj. Che Mat

President

Dato' Prof. Sr. Dr. Abdul Kadir Taib
JUPEM

Vice Presidents

Mr. Muhamad Bin Ali
Ministry of Health
Mr. Sabaruddin Mohamed
Putrajaya Corporation

Secretary

Abd. Samad Hj. Nor
Netaccess Sdn Bhd

Assistant Secretary

Mr. Norazizul Abd. Aziz
HDC

Treasurer

Ms. Rodzita Ismail
Ministry of Health
Asst. Treasurer
Ms. Nazhiyah Haron
Ministry of Health

EXCO

Tn. Hj Mohd. Amin Jauhar
KL City Hall
Mr. Nazli Mohd Khairudin
JTM
Abg. Ahmad Zulkipli
LKIM Sarawak
Ms. Zalina Baharum
SIRIM Bhd.
Tn. Hj, Mustapha Abd Kadir
Ex-MPC
YM Raja Abdul Rahman
Ex-DCA
Mr. Ahmad Osman
MINDEF
Mr. Norzaman Nordin
MOH
Ms. Siti Rodziah
MINDEF
Auditors
Mr. Hashim Abd. Rahman
INTAN
Mr. Shamsul Laili
Maritim
Trustees
Mr. Zohari Tasuki
JKR
Tn. Hj Harun Hussain
ex-MOA

Keluaran 2010-2011

MyJICA telah berjaya menganjurkan Kayuhan Kesihatan Putrajaya dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada 12 Disember 2010. Program ini telah menerima kejutan di mana lebih dari 220 peserta yang bersama-sama menyahut cabaran kayuhan sejauh 50km di sekitar Putrajaya. Program tersebut telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Ahmad Shafii, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Kementerian Kesihatan Malaysia yang mewakili YB Menteri Kesihatan.

Selain mendapat sokongan Kementerian Kesihatan Malaysia program Kayuhan Kesihatan Putrajaya juga mendapat sokongan Klinik Putrajaya, Polis Putrajaya, Perbadanan Putrajaya, Strateq, Heitech Padu, XyBase, CISCO, HP-Networking, Dell, IBM, eNcoral, iSoft, Microsoft dan Paradigm. Program seumpama ini harus diteruskan pada masa akan datang.



Keratan akhbar bertarikh 13 Dis 2010

Contohi orang Jepun gemar berbasikal

PUTRAJAYA 12 DIS –

Rakyat Negara ini disaran agar mencontohi sikap masyarakat Jepun yang gemar mengayuh basikal untuk bergerak sebelum meneruskan perjalanan ke tempat kerja dengan menaiki kereta api.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Liow Tiong Lai berkata, amalan tersebut merupakan sebahagian daripada kaedah terbaik majoriti masyarakat Negara Matahari Terbit itu menjaga kesihatan mereka. Justeru beliau mahu lebih banyak pertubuhan bukan kerajaan (NGO) terlibat dalam penganjuran program membabitkan aktiviti mengayuh basikal bagi menggalakkan rakyat Malaysia mengamalkan gaya hidup sihat.

“Kerajaan amat menggalakkan penglibatan NGO dalam bidang sukan, ia dapat memberi kesedaran tentang kepentingan kepada masyarakat tentang kepentingan penjagaan kesihatan.”

“Kementerian menyokong penuh usaha-usaha murni sebegini, barangkali selepas ini banyak lagi NGO yang akan tampil untuk melaksanakan program-program sebegini, mungkin boleh dinamakan Kayuhan Kesihatan Ipoh, Kayuhan Kesihatan Seremban dan sebagainya,” katanya pada program Kayuhan Kesihatan Putrajaya di sini hari ini.

Keratan dari Majalah Maskulin keluaran Jan-Feb 2011



KAYUHAN KESIHATAN PUTRAJAYA (KKP)

Kegiatan sukan berbasikal kini semakin mendapat tempat di kalangan rakyat Malaysia dan baru-baru ini telah diadakan aktiviti Kayuhan Kesihatan Putrajaya (KKP). Program ini dianjurkan oleh The Japan International Cooperation Agency Alumni Society of Malaysia (myJICA). Ia merupakan sebuah badan bukan kerajaan (NGO) yang telah melatoh lebih 10,000 rakyat Malaysia dengan kepakaran teknikal dan budaya masyarakat di Jepun. Selain itu, majoriti rakyat Jepun yang gemar mengayuh basikal untuk aktiviti seharian telah dijadikan asas untuk aktiviti KKP. Tanpa mengira jenis basikal, kayuhan yang bermula seawal jam 8 pagi itu melalui hampir kesemua Precinct dan lokasi menarik di Putrajaya. Jarak kayuhan sejauh lebih 50km itu turut disertai lebih 200 peserta yang bertujuan untuk mempromosikan cara hidup sihat dengan berbasikal. Acara pada pagi itu telah diijazahkan oleh Dato' Ahmad Shafii, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Kementerian Kesihatan Malaysia bagi mewakili Menteri Kesihatan Malaysia.



BERITA SUKAN

AKTIVITI-AKTIVITI YANG TELAH DIJALANKAN SEPANJANG SESI 2010-2011



Presiden myJICA (baris belakang pertama di kiri) mengadakan rumah terbuka sempena Hari Raya Aidilfitri khas untuk Exco MyJICA pada 23 September 2010. Sebahagian besar exco bersama keluarga datang beraya di rumah Presiden

KURSUS TEAM BUILDING DAN PERSEDIAAN KE JEPUN SIRI 1/2010 ANJURAN myJICA DENGAN KERJASAMA YAYASAN PUSAT BELIA ANTARABANGSA .

Tarikh : 26 Februari 2010 hingga 27 Februari 2010.
Tempat : Yayasan Pusat Belia Antarabangsa, Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak, Cheras, 56000 Kuala Lumpur.

Kursus *Team building* dan persediaan ke Jepun ini dianjurkan oleh myJICA bagi memberi pendedahan awal kepada peserta akan kehidupan di Jepun. Antara kandungan kursus adalah :

1. Pelajaran asas bahasa Jepun untuk komunikasi.
2. Semangat Sepasukan.
3. Budaya Jepun
4. Persediaan kerohanian bagi yang beragama Islam seperti pengajian sembahyang jamak dan lain-lain
5. Persediaan persembahan kebudayaan.
6. Persediaan lain yang diperlukan seperti pengisian borang visa, insuran dan lain-lain.

Program kali ini terdiri daripada 20 pelajar-pelajar Sekolah menengah daripada beberapa negeri dan 2 pegawai penyelaras (kordinator).

Majlis penutup telah disempurnakan oleh En. Nagumo Takao daripada JICA Malaysia dimana telah dihadiri oleh kesemua ibu-bapa pelajar. Persembahan kebudayaan dan koir lagu-lagu Jepun juga telah dipersembahkan oleh peserta-peserta.



'Ikebana' Demonstration

An 'Ikebana' demonstration was held at the SMK Seksyen 4 Kota Damansara, Jalan Camar 4/1, Kota Damansara, Petaling Jaya on the 26th January 2011 (Wednesday) from 2.00pm till 5.00pm. More than sixty (60) students including teachers of the school and invited neighbouring schools attended this demonstration. A mini contest on Ikebana floral arrangement was also held to ascertain the students skills after a watching how Ikebana was been done. The demonstration was performed by Madam Hisako Sube, a professional and well-known instructor from The Japan Club of Kuala Lumpur and assisted by her husband, Mr. Sube who acted as the translator.



The workshop received tremendous support from both the students and teachers of the school and hope that more of this demonstration and other similar programmes would be held from time to time to have a closer relationship between the people of Japan and Malaysia



PHOTOS TAKEN DURING THE IKEBANA DEMONSTRATION AT SMK SEKSYEN 4 KOTA DAMANSARA, PETALING JAYA.



PROGRAM : THE YOUNG STUDENTS VISIT JAPAN 2010 ANJURAN myJICA

Tarikh : 12 Mac 2010 hingga 19 Mac 2010.

Tempat : Gifu Prefecture dan Tokyo Metropolitan, Jepun.

Program ini telah dilaksanakan dengan jayanya daripada 12 Mac 2010 hingga 19 Mac 2010. Seramai 20 peserta terdiri daripada pelajar-pelajar dari beberapa sekolah di seluruh Malaysia. Program ini telah mendapat kerjasama yang baik daripada rakan sekutu myJICA di Jepun iaitu sebuah organisasi yang diberi nama GIFU WORLD YOUTH, Gifu, Japan. Organisasi ini telah lama menjalinkan persahabatan dengan myJICA lebih kurang 6 tahun yang lepas.



Program di bahagikan kepada 2 fasa iaitu fasa pertama di Ogaki City, Gifu:

1. Menghadiri Seminar 'Green City'.
2. 'Homestay' bersama keluarga angkat Jepun.
3. Lawatan ke 2 buah sekolah iaitu Nakagawa High School dan Seiwa Junior High School.
4. Kunjungan hormat ke Datuk Bandar Ogaki city.
5. Pertunjukan kebudayaan "Tea Ceremony"
6. Jamuan perpisahan/kebudayaan Malaysia.

Fasa kedua di Tokyo Metropolitan :

1. Lawatan ke bandar-bandar seperti Ueno, Akihabara, Shinjuku dan lain lain
2. Kunjungan Hormat ke Kedutaan Malaysia di Jepun.
3. Lawatan ke pusat peranginan Disneyland.

Program ini juga telah mendapat liputan akhbar di Gifu serta telah disiarkan di televisyen di dalam slot berita tempatan.

Kesimpulannya program ini sedikit sebanyak telah dapat memberi pengetahuan dan pengajaran yang berguna kepada peserta-peserta.



myJICA JUGA MENGANJURKAN KURSUS AMALAN 5S


Amalan 5S masa kini sangat popular disebabkan hasil daripada pengamalannya sungguh berkesan dan dapat dilihat dengan mata kepala sendiri. Nama 5S diveduk dari lima perkataan Jepun iaitu " seiri , seiton , seiso , seiketsu , dan shitsuke". Kini telah diterjemahkan dalam Bahasa Malaysia bermaksud sisih ,susun ,sapu , seragam dan sentiasa amal.

Pada 23 hb November 2010, satu kursus Amalan 5S telah dijalankan khusus untuk Pejabat Kesihatan Putrajaya. Lebih dari tiga puluh peserta telah menghadirinya. Kursus yang telah dijalankan selain dari mengikuti ceramah, kerja kumpulan dan perbincangan juga memberi kesempatan kepada peserta kursus melihat contoh stor Pejabat Kesihatan Putrajaya yang mengamalkan 5S .

Ramai orang bertanya apakah kekuatan yang ada pada pengamalan 5S itu? Logiknya disebalik amalan 5S iaitu mengatur, menyusun, membersihkan, mengekalkan standard kebersihan dan disiplin, kebersihan ditempat kerja merupakan syarat asas, untuk menghasilkan produk dan perkhidmatan berkualiti tinggi dengan tiada pembaziran. Bila 5S diamalkan disesebuah organisasi ia memerlukan penglibatan semua anggota didalamnya. Ia juga merupakan satu pendekatan yang berkesan untuk mendorong anggota menambah baik persekitaran tempat kerja dan peningkatan produktiviti. Yang pasti boleh dikatakan semua orang baik berpangkat tinggi atau rendah dalam organisasi mereka sukakan tempat kerja yang sentiasa teratur, selesa dan bersih.

myJICA juga telah menganjurkan dengan jayanya Bowling Tomodachi pada 24 Julai 2010 dan 5 Mac 2011. Tahniah! &

Briefing Session with JKR-myJICA on 21 January 2011



More information, refer to myJICA Portal at <http://www.myjica.net>



AKTIVITI AKAN DATANG

EKSPEDISI KE GUNUNG FUJI (30 JUN – 06 JULAI 2011)

Hari 01 (30 Jun/Khamis) – Menaiki pesawat MAS / JAL ke Narita, Jepun.

Hari 02 (1 Julai 2011/Jumaat) – Tiba di Narita / Haneda, Jepun pada awal pagi. Urusan imigresen dan kastam. Menaiki bas menuju ke Stesyen Shinjuku. Setiba di Shinjuku adalah acara bebas. Tiba waktu untuk menaiki bas ke Kawaguchiko Stesyen (2 jam perjalanan). Daftar masuk ke Kawaguchiko Inn. Acara bebas.

Hari 03 (2 Julai 2011/Sabtu) – Bersiap untuk menaiki bas ke stesen ke 5 Fuji-san (1 jam perjalanan). Tiba di stesen ke 5. Membeli kelengkapan untuk mendaki seperti: tongkat / oksigen / makanan. Mula mendaki dari stesen ke 5 (2,300 m dari paras laut). Tiba di stesen ke 8 (3,100 m) menginap di Taishikan Hut (setelah mendaki sekitar 6-7 jam. Berehat secukupnya.



Kawaguchiko Inn



Bas Retro



Stesyen ke 8 Gunung Fuji



Penginapan di Taishikan



Matahari terbit di puncak Fuji san



Torii Gate di Fuji san



Gunung Fuji



Shinjuku



Bas ke Kawaguchiko

Hari 04 (3 Julai 2011/Ahad) – Seawal 12:30 pagi mula mendaki kembali untuk ke puncak (3,776m). Tiba di puncak pada 3:30 pagi untuk menikmati matahari terbit. Cuaca di puncak adalah sangat sejuk (7c). Pada pukul 6:00 pagi mula untuk perjalanan turun ke stesen ke 5 Fuji –san Tiba di stesen ke 5 sekitar 10:30 pagi. Berehat dan membeli cenderahati. Menaiki bas ke stesen Kawaguchiko. Mengambil beg di Kawaguchiko Inn. Menaiki bas ke stesen Shinjuku. Menaiki keretapi ke Ikebukuro untuk ke hostel penginapan. Acara bebas.

Hari 05 (4 Julai 2011/Isnin) – Acara bebas.

Hari 06 (5 Julai 2011/Selasa) – Daftar keluar. Menaiki bas ke Lapangan Terbang Antarabangsa Narita / Haneda untuk perjalanan pulang ke Kuala Lumpur SAYONARA!!

Pakej termasuk:

Menaiki pesawat Japan Airlines atau Malaysia Airlines ke Narita, Jepun

Cukai / surcaj – tertakluk kepada harga semasa.

Harga pakej:

RM 3950.00* seorang untuk pendaki

RM 3990.00* seorang yang tidak mendaki

*Harga tertakluk pada perubahan cukai & surcaj

INFO MyJICA

Vision

To be a self-sustaining resource centre offering professional services through synergistic relationship with JICA

Mission

- To provide expert and professional services through competent and trained personnel delighting our stakeholders.
- To cultivate purposeful relationship with JICA through the delivery of impactful programmes

Objectives

- To maintain and foster social and fraternal association among its members;
- To contribute towards fostering good relations between Malaysia and Japan;
- To promote exchange of information between or establish cultural, scientific and linguistic links with similar societies or associations in other countries having similar links with Japan International Cooperation Agency; and
- To generally participate in economic, technical, social and cultural activities that contributes towards good relations with Japan.

The Society may undertake such activities as will serve its purpose, including:

- Lectures, discussions, study meetings, seminars and such like;
- Film shows of cultural, technical or of general interest;
- Japanese Language Classes;
- Collection and circulation of printed materials about Japan and Malaysia;
- Entertainment and welfare activities;
- Any other activities that are regarded as serving the purpose of *the Society*.

JICA ALUMNI SOCIETY OF MALAYSIA (myJICA); Suite 29.03 Level 29; Menara Citibank, 165 Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur Malaysia

Website: www.myJICA.net Emel: info@myJICA.net